

Pelajar UMT penyuntik semangat

SH 23/07/07 Pg T8

KEPALA GAJAH - Kedatangan para mahasiswa dari Universiti Terengganu Malaysia (UMT) dianggap sebagai 'tuah' kepada penduduk Kampung Kepala Gajah kerana secara tidak langsung dapat menyuntik semangat anak-anak mereka untuk menjelak kaki ke menara gading.

Menurut Pengurus Penyelaras Program Rakan Muda Wawasan Desa bagi jawatankuasa kampung, Tuan Mat Tuan Abdullah, kedatangan para mahasiswa ini sedikit sebanyak membantu menanam semangat untuk lebih berjaya kepada anak-anak kampung di sini.

"Di kampung ini ha-

nya terdapat beberapa kerat sahaja yang berjaya menjelak kaki ke universiti. Kedatangan pelajar dari institut pengajian tinggi ini diharap dapat memberi kesedaran kepada mereka mengenai pentingnya belajar di pe-

ringkat tertinggi dengan jaminan masa depan yang lebih cerah dan baik.

"Oleh sebab itu, kami mengalu-alukan kedatangan mereka ke sini, malah kami turut melepaskan para mahasiswa ini mengemudi slot motivasi yang disertai oleh anak-anak di kampung ini dengan harapan mereka akan lebih bersemangat dan bercita-cita untuk turut serta berada di pusat pengajian tinggi," ulas Tuan Mat.

Tambahnya, selain mengadakan kem motivasi kepada anak penduduk kampung, pelajar ini turut menyumbang bakti dengan mengadakan aktiviti

Kami berbangga apabila anak angkat ini sanggup berpanas dan berpeluh di bawah terik matahari bagi menabur bakti .

■ Tuan Mat Tuan Abdullah